

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah penerima Insentif Pengeluaran Getah (IPG) telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta pada tahun 2015 dan penerima IPG bagi tahun 2016 dan adakah Kerajaan tidak berhasrat menetapkan harga lantai getah pada RM4.00.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukkan dana awal sebanyak RM100 juta bagi pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015. Pada Januari 2016, Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG untuk SMR 20 telah dinaikkan dari RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram dengan peruntukan dana sebanyak RM200 juta. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama.

Sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta. Bagi menuntut IPG, pemilik kebun perlu memiliki kad Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) dan Kad PAT-G hanya akan dikeluarkan kepada pemilik kebun mengikut geran tanah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penetapan harga lantai memerlukan sumber kewangan yang tinggi bagi menyokongnya sekiranya harga getah asli dunia mengalami tren penurunan yang mendadak di samping menyediakan ruang kepada

aktiviti spekulasi harga di mana para pedagang getah akan menekan harga ke paras rendah mengambil kira bahawa Kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai. Selain itu, ia juga menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa.

Dalam hal ini, pelaksanaan IPG merupakan mekanisme terbaik kerana ianya berunsurkan harga lantai iaitu, sebarang perbezaan harga akan ditampung oleh Kerajaan bagi pengeluaran getah yang dihasilkan oleh pekebun-pekebun kecil. Insentif ini bersifat serampang dua mata iaitu, bertujuan untuk meringankan beban pekebun kecil di seluruh negara kesan dari kejatuhan harga getah di samping memberi galakan kepada mereka untuk terus menoreh sewaktu harga getah rendah di pasaran.

Sekian, terima kasih.